


November
2022

BERITA PORTAL

PORTAL RASMI
KEMENTERIAN PERTAHANAN

www.mod.gov.my





KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

ISI KANDUNGAN :

1.	Tentera Darat Malaysia Prihatin Bantu Tangani Gangguan Bekalan Air Di Pasir Gudang <i>Concerned Malaysian Army Helps Solve Water Supply Disruption In Pasir Gudang</i>	4
2.	Mindef Dan ATM Sentiasa Menitik Berat Kebajikan Anggota ATM Yang Ditimpa Musibah <i>Mindef And MAF Always Prioritizes Unfortunate MAF Members' Welfare</i>	6
3.	Sambutan Hari Integriti Peringkat Mindef <i>Integrity Day Mindef Level Celebration</i>	8
4.	Industri Pertahanan Malaysia Mempromosikan Keupayaannya Di Pameran Indo Defence 2022 <i>Malaysia's Defence Industry Promotes Their Abilities At Indo Defence 2022 Exhibition</i>	10
5.	Mindef Laksana Inisiatif Penurunan Harga Di Semua Pernama Seluruh Negara <i>Mindef Execute Price Reducing Initiatives On All Pernama All Over The Nation</i>	12
6.	UKMHK TD Menguji Daya Ketahanan Anggota Tentera Darat <i>UKMHK TD Tests Malaysian Army Members' Endurance</i>	14
7.	Kehadiran Aset Udara HOM AW 139 Memberi Nilai Tambah Dalam Misi Menggempur <i>The Presence Of HOM AW 139 Air Asset Gave Added Value To Combat Mission</i>	16
8.	Eksesais Bersatu Murni Menguji Tahap Kesiagaan Sewaktu Banjir <i>Bersatu Murni Exercise Tests Level Of Readiness During Flood</i>	19
9.	Pengamal Media Merasai Pengalaman Bertugas Di Pulau Pandanan <i>Media Practitioner Experience Working At Pulau Padanan</i>	22
10.	ATM Terus Diaturgerak Bantu Mangsa Banjir <i>MAF Continues To Mobilize, Help Flood Victims</i>	24
11.	Tentera Mula Tunai Tanggungjawab Sebagai Pengundi Awal <i>Military Starts Their Duty As Early Voters</i>	26
12.	Kebajikan Anggota ATM Terus Dipelihara <i>MAF Personnel's Welfare Continues To Preserve</i>	28



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

- | | | |
|-----|--|----|
| 13. | ATM Terus Siap Sedia Hadapi Banjir
<i>MAF Continues To Be Prepared In Facing Flood</i> | 30 |
| 14. | ATM Berganding Bahu Bersama Agensi Awam Lain Bersihkan Pusat
Pengundian
<i>MAF With Other Public Agencies Hand In Hand Clean Polling Station</i> | 31 |
| 15. | Mesyuarat Retreat Menteri-Menteri Pertahanan Asean (ADMM) Dan Mesyuarat
ADMM-PLUS Ke-9
<i>Asean Defence Ministers Meeting (ADMM) And The 9th ADMM-PLUS</i> | 33 |
| 16. | Mesyuarat Retreat Menteri-Menteri Pertahanan Asean (ADMM) Dan Mesyuarat
ADMM-PLUS Ke-9
<i>Asean Defence Ministers Meeting (ADMM) And The 9th ADMM-PLUS</i> | 35 |
| 17. | Kumpulan Terakhir MALBATT 850-9 Tiba
<i>MALBATT 850-9's Last Group Arrived</i> | 37 |
| 18. | Perasmian Seminar Psikologi Tahun 2022
<i>Psychology Seminar Year 2022 Launching</i> | 39 |
| 19. | Perasmian Pusat Perkhidmatan Psikologi Kementerian Pertahanan
<i>Defence Ministry Psychology Service Centre Launching</i> | 41 |
| 20. | Penyerahan Bendera KAKEP Sempena MAKSWIP 2022
<i>KAKEP Flag Presentation In Conjunction With MAKSWIP 2022</i> | 43 |



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

TENTERA DARAT MALAYSIA PRIHATIN BANTU TANGANI GANGGUAN BEKALAN AIR DI PASIR GUDANG



JOHOR, 1 November 2022 - Tentera Darat Malaysia melalui Divisyen Ketiga Infantri Malaysia antara yang terawal turun membantu agensi dan PBT menghulurkan bantuan bekalan air kepada 5,000 penduduk yang terjejas akibat gangguan bekalan di sekitar Pasir Gudang.

Tentera Darat Malaysia turut menggunakan aset seperti Water Bowser dan Water Trailer yang mampu membekalkan 10,000 gelen air kepada penduduk.

Antara kawasan yang telah menerima bantuan tersebut adalah Pangsapuri Seri Delima, Masai, Surau Al Husna, Masai, Permas Jaya, Blok Tasek 64, Vista Seri Alam dan Taman Rinting, Plentong.

Tentera Darat akan terus mengagihkan bekalan air bersih kepada penduduk setempat yang terjejas sehingga situasi pulih sepenuhnya.

Sumber : Tentera Darat Malaysia



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

CONCERNED MALAYSIAN ARMY HELPS SOLVE WATER SUPPLY DISRUPTION IN PASIR GUDANG

JOHOR, November 1 2022 – The Malaysian Army through the 3rd Infantry Division Malaysia are among the earliest to help agencies and PBT in giving water supply to 5,000 residents who are affected due to the supply disruption around Pasir Gudang.

Malaysian Army also uses assets like Water Bowser and Water Trailer that can supply 10,000 gallons of water to the residents.

Among the areas receiving help are Pangsapuri Seri Delima, Masai, Surau Al Husna, Masai, Permas Jaya, Blok Tasek 64, Vista Seri Alam and Taman Rinting, Plentong.

The Malaysian Army will continue distributing clean water to the affected locals until the situation fully recovers.

Source: Malaysian Army



KEMENTERIAN PERTAHANAN

—MALAYSIA—

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MINDEF DAN ATM SENTIASA MENITIK BERAT KEBAJIKAN ANGGOTA ATM YANG DITIMPA MUSIBAH



KELANTAN, 1 November 2022 - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia sentiasa menitik beratkan aspek kebajikan khususnya anggota yang ditimpa musibah.

Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah melaksanakan lawatan kebajikan kepada warga Kem Desa Pahlawan, Kelantan.

Lawatan kebajikan ini meliputi penyampaian sumbangan kebajikan kepada lima anak anggota lain-lain pangkat serta Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pendidikan kepada empat anak pegawai dan anggota yang telah memperoleh keputusan cemerlang. Menteri Kanan Pertahanan juga turut menyampaikan sumbangan komputer riba kepada enam penerima yang terdiri daripada anak-anak pegawai dan anggota di sini.

Antara lainnya, sumbangan ini adalah hasil kerjasama bersama Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) secara keseluruhannya.

Turut hadir bersama Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz serta diiringi pegawai kanan ATM.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MINDEF AND MAF ALWAYS PRIORITIZES UNFORTUNATE MAF MEMBERS' WELFARE

KELANTAN, November 1 2022 – Ministry of Defence and Malaysian Armed Forces always prioritizes its unfortunate members' welfare.

Senior Defence Minister, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein had a welfare visit to the members of Kem Desa Pahlawan, Kelantan.

This welfare visit covers the presentation of welfare donation to five of the enlisted rank members' children and the Education Excellence Award to four officers and members' children who achieved excellent results. Senior Defence Minister also presented laptop donations to six recipients who are the children of officers and members here.

Among others, this donation is in collaboration with Armed Forces Fund Board Foundation as a whole.

Also attending Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz and accompanied by MAF senior officers.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT MINDEF



KUALA LUMPUR, 2 November 2022- Bersempena dengan bulan November sebagai Bulan Integriti di peringkat Nasional, Sambutan Hari Integriti MINDEF 2022 telah diadakan yang bertempat di Auditorium dan Perkarangan Lobi Kementerian Pertahanan.

Bertemakan “Integriti Teras Keluarga Malaysia”, sambutan pada tahun ini diadakan secara sederhana dengan pelbagai aktiviti seperti Bicara Integriti oleh YBhg. Dato’ Ustaz Kazim Elias, Sesi Bersama Pusat Pungutan Zakat Cawangan Putrajaya dan juga cabutan bertuah kepada warga MINDEF dengan kerjasama daripada Pusat Pungutan Zakat (PPZ).

Program ini dimulai dengan Majlis Perasmian Sambutan Hari Integriti MINDEF Tahun 2022 oleh YBrs. Tuan Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan turut diadakan penyampaian hadiah kepada pemenang utama bagi pertandingan kuiz, slogan, poster dan juga tayangan video terbaik yang bertemakan Integriti, Tatakelakuan, Tatatertib dan, Kod Etika, Polisi Antirasuah dan Sistem Pengurusan Antirasuah.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Integriti MINDEF 2022, warga MINDEF boleh mendapatkan khidmat nasihat dan juga pameran daripada lapan agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Penjara Sungai Buloh, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), Tabung Haji, Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan CUEPACS CARE pada 2 dan 3 November 2022 mulai jam 9.00 pagi sehingga 4.00 petang di Perkarangan Lobi Kementerian Pertahanan.

INTEGRITY DAY MINDEF LEVEL CELEBRATION

KUALA LUMPUR, November 2 2022 – In conjunction of November as the National Integrity Month, MINDEF Integrity Day 2022 Celebration was held at the Auditorium and Ministry of Defence Lobby Compound.

Themed “Integriti Teras Keluarga Malaysia”, the celebration this year was done moderately with various activities like ‘Bicara Integriti’ by YBhg. Dato’ Ustaz Kazim Elias, Session with ‘Pusat Pungutan Zakat’ Putrajaya Branch and also lucky draw to members of MINDEF in cooperation with Pusat Pungutan Zakat (PPZ).

This programme started with the Launching Ceremony of MINDEF Integrity Day 2022 Celebration by YBrs. Tuan Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan, Deputy Secretary General (Policy) and the presentation of gifts to the winners for the quiz, slogan, and poster competition was also held besides the premiere of the best video themed Integrity, Code of Conduct, Discipline and Ethics Code, Anti-corruption and Anti-corruption Management System.

To enliven the MINDEF Integrity Day 2022 celebration, the members of MINDEF can get advisory services and also exhibition from eight agencies like Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), Sungai Buloh Prison, Road Transport Department (JPJ), National Anti-Drugs Agency (NADA), Credit Counselling and Debt Management Agency (AKPK), Tabung Haji, Pusat Pungutan Zakat (PPZ) and CUEPACS CARE on 2nd and 3rd November 2022 starting 9.00 a.m. until 4.00 p.m. at Lobby Compound, Ministry of Defence.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

INDUSTRI PERTAHANAN MALAYSIA MEMPROMOSIKAN KEUPAYAANNYA DI PAMERAN INDO DEFENCE 2022



JAKARTA, 2 November 2022 - Kementerian Pertahanan Malaysia melalui Bahagian Industri Pertahanan (BIP) telah menyertai Pameran Indo Defence 2022 yang berlangsung di Jakarta International Expo, Indonesia.

BIP telah mengambil peluang menyertai Pavilion Malaysia sepanjang penganjuran tersebut dengan kerjasama daripada 10 syarikat Malaysia termasuk LIMA dan DSA.

Pembukaan Pavilion Malaysia ini telah dirasmikan oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob dengan menandatangani plak perasmian Pavilion Malaysia. Turut mengiringi, Timbalan Panglima Tentera Udara, Leftenan Jeneral Dato' Indera Muhamad Norazlan bin Aris TUDM dan Setiausaha Bahagian BIP, Puan Fazidah binti Mustafa.

Objektif utama penglibatan tersebut adalah untuk mempromosikan keupayaan Industri Pertahanan Malaysia selain daripada mempromosikan LIMA 2023.

Turut hadir ke Pavilion Malaysia ialah Menteri Pertahanan Indonesia, TYT Prabowo Subianto.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA'S DEFENCE INDUSTRY PROMOTES THEIR ABILITIES AT INDO DEFENCE 2022 EXHIBITION

JAKARTA, November 2 2022 – Ministry of Defence Malaysia through the Defence Industry Department (BIP) participated in the Indo Defence 2022 Exhibition held at Jakarta International Expo, Indonesia.

BIP took the opportunity to participate Malaysian Pavilion during the event in cooperation with 10 Malaysian companies including LIMA and DSA.

The opening of Malaysian Pavilion was formalized by Deputy Chief of Navy, Vice Admiral Datuk Abdul Rahman bin Ayob with signing the Malaysian Pavilion launching plaque. Also accompanying, Deputy Chief of Airforce, Lieutenant General Dato' Indera Muhamad Norazlan bin Aris RAMF and BIP Secretary, Puan Fazidah binti Mustafa.

The main objective of the involvement is to promote Malaysia's Defence Industry abilities apart from promoting LIMA 2023.

Also attending the Malaysian Pavilion is Indonesia's Defence Minister, TYT Prabowo Subianto.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MINDEF LAKSANA INISIATIF PENURUNAN HARGA DI SEMUA PERNAMA SELURUH NEGARA



SABAH, 3 November 2022 - Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato'Seri Hishammuddin Tun Hussein dalam lawatan kerjanya ke Sabah dan Sarawak mengumumkan PERNAMA akan menurunkan harga produk jualan di semua 93 rangkaian kedai PERNAMA di seluruh negara bagi membantu meringankan beban perbelanjaan harian warga pertahanan.

Menerusi inisiatif tersebut, penurunan harga bagi makanan dan barangan keperluan asas adalah sehingga 48 peratus, manakala bagi keperluan persekolahan anak-anak warga pertahanan adalah sehingga 90 peratus.

Penurunan harga di kedai PERNAMA ini akan dilaksanakan sebagai Jualan Akhir Tahun sehingga 31 Disember 2022.

"Saya juga telah mengingatkan PERNAMA supaya memastikan barangan yang diturunkan harga ini mempunyai stok mencukupi supaya penjimatan ini benar-benar dapat dinikmati oleh warga pertahanan," ujar Menteri Kanan Pertahanan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

PERNAMA adalah sebuah perbadanan milik penuh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang ditubuhkan pada 1983 bagi mengendalikan rangkaian kedai runcit di kem-kem Angkatan Tentera Malaysia di seluruh negara untuk menjual barangan pengguna kepada anggota angkatan tentera dan keluarga mereka.

Dalam pada masa yang sama, Menteri Kanan Pertahanan turut meluangkan masa bersama warga Kem Rascom Sibul dan warga Pangkalan TLDM Kota Kinabalu sepanjang lawatan kerja beliau.

MINDEF EXECUTE PRICE REDUCING INITIATIVES ON ALL PERNAMA ALL OVER THE NATION

SABAH, November 3 2022 – Senior Defence Minister, YB Dato'Seri Hishammuddin Tun Hussein in his work visit to Sabah and Sarawak announced PERNAMA will reduce their products' price in all 93 PERNAMA chain stores all over the nation to help lessen the burden of defence members' daily expenses.

Through the initiatives, the price reduction for food and basic necessities are up to 48 percent, meanwhile for the children of defence members' school necessities are up to 90 percent.

The price reduction at PERNAMA stores will be executed as a Year End Sale until 31 December 2022.

"I also reminded PERNAMA to ensure the products which price are reduce will have enough stock so the savings can truly be enjoyed by the defence members'," Senior Defence Minister said.

PERNAMA is a fully owned corporation by the Armed Forces Fund Board formed on 1983 to handle retail store chains in Malaysian Armed Forces Camps all over the nation to sell consumer products to military members and their families.

In the same time, Senior Defence Minister also made time with the members of Kem Rascom Sibul and RMN Kota Kinabalu Base during his work visit.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

UKMHK TD MENGUJI DAYA KETAHANAN ANGGOTA TENTERA DARAT



KUALA LUMPUR, 4 November 2022 - Tentera Darat Malaysia melalui Formasi 4 Divisyen telah menganjurkan Pertandingan Ujian Kemahiran Merentas Halangan dan Kawad Peringkat Tentera Darat (UKMHK TD) Tahun 2022.

Sebanyak 11 Formasi yang terdiri daripada Markas Pemerintahan, Trup Tentera Darat (TD) dan Markas Formasi meliputi pecahan Kategori Tempur, Bantuan Tempur, Bantuan Khidmat dan Wanita telah diadakan mulai 27 Oktober hingga 7 November 2022.

Antara yang dipertandingkan ialah acara kawad, merentas halangan dan menembak.

Pertandingan UKMHK peringkat Tentera Darat ini bertujuan untuk menguji daya ketahanan mental, fizikal dan keyakinan diri anggota dan tim dari setiap formasi untuk dapat membentuk sifat kepimpinan yang terbaik dan berkualiti serta mempertingkatkan semangat kerjasama dalam setiap lapisan anggota sesebuah pasukan.

Sumber : Tentera Darat Malaysia



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

UKMHK TD TESTS MALAYSIAN ARMY MEMBERS' ENDURANCE

KUALA LUMPUR, November 4 2022 – The Malaysian Army through the 4th Division Formation organized Army Level Obstacle Course and Marching Skills Test (UKMHK TD) Competition Year 2022.

11 Formation consisting from Command Headquarters, Army Troops and Formation Headquarters covering the Combat, Combat Support, Support Services and Women Category was held starting 27 Oktober until 7 November 2022.

Among competed are Marching, Obstacle Course and shooting event.

This Army Level UKMHK Competition is aimed to test the members and team from every formations' mental, physical and self-confidence endurance to form the best and top quality leadership traits as well as enhancing the team spirit in every team member.

Source: Malaysian Army



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

KEHADIRAN ASET UDARA HOM AW 139 MEMBERI NILAI TAMBAH DALAM MISI MENGGEMPUR



SEMPORNA, 5 November 2022 - Pasukan Khas Laut (PASKAL) telah melaksanakan Latihan Pengukuhan Terjun Bebas Familiarisasi PASKAL dengan melibatkan Helikopter Operasi Maritim (HOM) AW 139 bagi melengkapkan latihan.

Kehadiran aset udara HOM AW 139 sejak Julai lalu sangat memberi nilai tambah kepada pasukan khas ATM seperti PASKAL dalam mempertingkatkan kemahiran mereka terutama dalam misi menggempur.

Bagi memastikan segala eksesais dan operasi yang dirancang ini berjaya, maka HOM AW 139 ini telah diterbangkan sendiri oleh Pegawai Memerintah Skuadron 503 iaitu Komander Hairul Afikin bin Tukimin TLDM serta dibantu Lt Kdr Roni bin Temu TLDM dan Lt Kdr Mohd Khairur Adnan bin Baharudin TLDM.

Objektif latihan ini adalah bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan sebenar operasi udara Tim Gempur PASKAL di samping membolehkan mereka melakukan persediaan dalam menghadapi operasi sebenar dan persiapan kejohanan Payung Terjun Antara Perkhidmatan.

Dengan penglibatan lebih 50 pegawai dan anggota daripada kedua unit (PASKAL dan Skuadron 503), latihan free fall ini telah dilaksanakan di Drop Zone (DZ) Mini Stadium KDSM bermula 26 hingga 28 Oktober 2022 yang lalu.



Latihan ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan kerana memerlukan komitmen latihan yang berterusan, komunikasi berkesan di antara Drop Zone Safety Officer (DZSO) dan di lapangan bersama pesawat.

Selain free fall pada ketinggian 10,000 kaki dan 5,000 kaki, operasi khas lain seperti Rapid Abseiling Vertical Option (RAVO), Fast Roping, Water Jump, Spie Rig, Aerial Sniping dan Roll Duck adalah antara kaedah insertion dan extraction yang dapat dilaksanakan bersama aset udara TLDM.

Sumber : Markas Pemerintahan Armada Timur

THE PRESENCE OF HOM AW 139 AIR ASSET GAVE ADDED VALUE TO COMBANT MISSION

SEMPORNA, November 5 2022 – The Naval Special Warfare Forces carried out PASKAL Familiarization Free Fall Strengthening Training involving Maritime Operations Helicopters (HOM) AW 139 to complete the training.

The presence of HOM AW 139 Air Asset since last July gave an added value to MAF special force like PASKAL in enhancing their skills especially in attack mission.

In ensuring all exercise and operation planned succeeds, hence this HOM AW 139 was flown by the 503 Squadron Command Officer himself, Commander Hairul Afikin bin Tukimin RMN and assisted by Lt Cdr Roni bin Temu RMN and Lt Cdr Mohd Khairur Adnan bin Baharudin RMN.

The objective of this training is to enhance the true skills and abilities of the air operation PASKAL Attack Team besides enabling them to make preparation in facing real operation and the Parachute Between Services championship preparation.

With the involvement of more than 50 officers and members from the second unit (PASKAL and Squadron 503), this free fall training was carried out at Drop Zone (DZ) KDSM Mini Stadium held last 26 until 28 October 2022.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

This training is not an easy thing to do because it requires commitment in continuous training, effective communication between Drop Zone Safety Officer (DZSO) and in the field with the aircraft.

Apart from free fall at a height of 10,000 and 5,000 feet, other special operations like Rapid Abseiling Vertical Option (RAVO), Fast Roping, Water Jump, Spie Rig, Aerial Sniping and Roll Duck are among the insertion and extraction method that were carried out with the RMN air asset.

Source: Eastern Fleet Command Headquarters



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

EKSESAIS BERSATU MURNI MENGUJI TAHAP KESIAGAAN SEWAKTU BANJIR



SEBERANG PERAI, 8 November 2022 - Tentera Darat Malaysia (TDM) melalui Rejimen Ketiga Kor Armor Diraja (3 KAD) telah melaksanakan Eksemais BERSATU MURNI menerusi kolaborasi bersama agensi–agensi penyelamat Pihak Berkuasa Awam (PBA) bermula dari 26 hingga 27 Oktober 2022.

PBA tersebut terdiri daripada Angkatan Pertahanan Malaysia (APM); Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBP); Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM); Pejabat Kesihatan Daerah (PKD); Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); Pejabat Daerah di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).

Eksemais ini dilaksanakan di kawasan hotspot sebenar banjir bagi menguji serta menilai keupayaan serta tahap kesiagaan pasukan terutama Skudron (Skn) Tempur dan Skn Bantuan yang diaturgerak di lapangan.

Ia juga bagi mendokong pelaksanaan OP MURNI dalam tempoh notis serta-merta sekiranya bencana banjir melanda di kawasan tanggungjawab.

Eksemais ini turut menilai keberkesanan serta mengenal pasti gap capability yang wujud terhadap mekanisme kolaborasi sinergi antara pasukan bersama agensi penyelamat serta PBA berkaitan dalam konteks pengurusan mangsa banjir semasa bencana alam.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Markas Taktikal Rejimen turut diaktifkan di pasukan bagi tujuan pemantauan, penyaluran maklumat serta penyelarasan aturgerak susulan di lapangan manakala elemen echelon pasukan akan bertindak untuk ulang bekal kepada barisan hadapan pasukan sekiranya terdapat keperluan.

Manakala di lapangan pula, Pusat Kawalan Operasi Bersama (PKOB), Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) turut diwujudkan melalui simulasi oleh PBA atau agensi yang berkaitan untuk merealisasikan mekanisme pengurusan mangsa banjir di KTJ.

Eksesais ini telah memberi impak yang positif serta membuka ruang kepada pasukan mahupun lain-lain agensi penyelamat atau PBA berkaitan dalam mengenalpasti jurang keupayaan yang sedia wujud di dalam konteks kolaborasi bersama antara agensi.

Selain itu, eksesais ini dapat mewujudkan satu pelan tindakan yang lebih komprehensif di masa akan datang.

Sumber : Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia

BERSATU MURNI EXERCISE TESTS LEVEL OF READINESS DURING FLOOD

SEBERANG PERAI, November 8 2022 – Malaysian Army through the 3rd Royal Armoured Corps Regiment carried out BERSATU MURNI Exercise through collaboration with Public Authorities (PBA) rescue agencies starting 26 until 27 October 2022.

The PBA's consist of Malaysia Civil Defence (APM); Malaysian Fire and Rescue Department (JBP); Department of Social Welfare (JKM); District Health Office (PKD); Department of Irrigation and Drainage (JPS); District Office at Seberang Perai Utara (SPU) and Seberang Perai Tengah (SPT) District.

This exercise was conducted at a real flood hotspot area to test and examine the ability as well as the level of team readiness especially Combat Squadron (Skn) and Support Squadron mobilized at the field.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

It is also to support the execution of OP MURNI in immediate notice term if the flood disaster hits 'kawasan tanggungjawab'.

This exercise also test the effectiveness as well as identifying the gap capability that exists towards the synergy mechanism collaboration between rescuing agencies and PBA about the management of flood victim context during the natural disaster.

Tactical Regiment Headquarters was also activated for the team aimed to monitor, information transmission as well as coordinating follow-up mobilization at the field meanwhile the team echelon element will repeat supplies for the frontliners if needed.

Meanwhile at the field, Joint Operations Control Centre (PKOB), Incident Control Centre (PKTK) and Evacuation Centre (PPS) was also created through simulation by PBA or other related agencies to achieve the flood victim management mechanism at KTJ.

This exercise gave positive impact as well as opening opportunities to the team nor any other rescue agencies or related PBA in identifying the ability gap that is already available in the joint collaboration context between agencies.

Apart from that, this exercise can create a more comprehensive action plan in the future.

Source: 2nd Malaysian Infantry Division Headquarters



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

PENGAMAL MEDIA MERASAI PENGALAMAN BERTUGAS DI PULAU PANDANAN



SABAH, 10 November 2022 - Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz telah menyempurnakan Program Hari Bersama Media anjuran bersama Kementerian Pertahanan dan Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (ATB 2) di mana disertai oleh agensi-agensi media sekitar negeri Sabah. Acara ini telah dilaksanakan di Kem Sri Wangsa dan Pulau Pandanan, Semporna.

Antara pengisian aktiviti bersama pengamal media ialah mereka diberi peluang untuk merasai pengalaman menaiki bot tempur, merasai sendiri pengalaman bertugas di Pulau Pandanan dan menyaksikan Demonstrasi Menyelamat Tebusan di Mock up Perkampungan air oleh Tim Quick Reaction Force (QRF) dari 9 RAMD (PARA).

Di samping itu, turut dilaksanakan taklimat pemuliharaan penyu yang dikendalikan oleh ATB 2 dengan kerjasama World Wildlife Fund (WWF) dalam pengurusan spesies akuatik yang terancam.

Matlamat utama program ini adalah sebagai menghargai jasa dan sumbangan pengamal media selain menghargai peranan mereka dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MEDIA PRACTITIONER EXPERIENCE WORKING AT PULAU PADANAN

SABAH, November 10 2022 – Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz completed 'A Day with Media' Programme organized in collaboration with Ministry of Defence and Joint Task Force 2 Headquarters (ATB 2) where it was participated by media agencies around Sabah. This event was held at Sri Wangsa Camp and Pulau Pandanan, Semporna.

Among the activities with media practitioners is they were given the chance to experience boarding the combat boat, experience themselves working at Pulau Pandanan and witness the Hostage Rescuing Demonstration at water Village Mock up by Quick Reaction Force (QRF) Team from 9 RAMD (PARA).

Apart from that, the turtle conservation briefing conducted by ATB 2 was also held in collaboration with World Wildlife Fund (WWF) in endangered aquatic species management.

The main objective of this programme is to appreciate the media practitioner's service and contribution besides acknowledging their role in giving the best service.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

ATM TERUS DIATURGERAK BANTU MANGSA BANJIR



PASIR MAS, 14 November 2022 - Tentera Darat Malaysia melalui Briged Kelapan Infantri Malaysia terus diaturgerak menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir yang terperangkap di kediaman di Kampung Gual Tok Deh, Pasir Mas.

Seramai tiga orang mangsa banjir telah dipindahkan ke PPS SK Gual Tok Deh. ATM akan sentiasa siapsiaga dalam memberi bantuan kemanusiaan kepada penduduk setempat yang terkesan dengan banjir.

Kredit: Tentera Darat Malaysia



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAF CONTINUES TO MOBILIZE, HELP FLOOD VICTIMS

PASIR MAS, November 14 2022 – Malaysian Army through the 8th Malaysian Infantry Brigade continues to mobilize, rescuing and transferring flood victims trapped in their house at Kampung Gual Tok Deh, Pasir Mas.

3 flood victims were transferred to the SK Gual Tok Deh evacuation centre. MAF will always be prepared in giving humanitarian relief to the locals affected by flood.

Credit: Malaysian Army



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

TENTERA MULA TUNAI TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PENGUNDI AWAL



KUALA LUMPUR, 15 November 2022 - Mengikut perangkaan SPR seramai 146,737 anggota Angkatan Tentera Malaysia dan pasangan terlibat pada hari pengundian awal seperti yang diwartakan dalam Daftar Pemilih Pilihanraya (DPPR) bagi Pilihan Raya Umum (PRU15).

Sebanyak 153 pusat mengundi awal ATM telah diwartakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai pusat pengundian awal bagi anggota dan pasangan di seluruh negara.

ATM sedia menghulurkan bantuan kepada pihak SPR, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa awam dalam memastikan perjalanan proses pengundian pada 19 November 2022 ini di seluruh negara berjalan dengan lancar.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MILITARY STARTS THEIR DUTY AS EARLY VOTERS

KUALA LUMPUR, November 15 2022 – According to SPR, a total of 146, 737 Malaysian Armed Force members and spouse are involved on the day of the early voting as gazzeted by the Election Comission (EC) for the 15th General Election (GE15).

A total of 153 MAF early voting centres were gazetted by the Election Commission as an early voting centre for the military personnel and spouse all over the country.

MAF are ready to give support to the EC, local and public authorities in ensuring the voting process on 19th November 2022 all over the country runs smoothly.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

KEBAJIKAN ANGGOTA ATM TERUS DIPELIHARA



KUALA LUMPUR, 17 November 2022 - Angkatan Tentera Malaysia sentiasa memastikan kebajikan anggotanya terus dipelihara. Justeru, Yayasan LTAT melalui kerjasama Bahagian Perkhidmatan Anggota, Sel Kebajikan telah menyerahkan sumbangan kebajikan kepada anggota yang terlibat.

Sebanyak 30 penerima yang terdiri daripada anggota Tentera Darat telah menerima sumbangan tersebut. Antara sumbangan yang telah diberikan adalah lampin pakai buang serta makanan tambahan kesihatan.

Semoga sumbangan tersebut dapat memudahkan urusan serta membantu meringankan beban anggota serta keluarga mereka.

Sumber : Yayasan LTAT



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAF PERSONNEL'S WELFARE CONTINUES TO PRESERVE

KUALA LUMPUR, November 17 2022 - Malaysian Armed Force always ensure that their personnel's welfare continues to preserve. Hence, the Armed Forces Fund Board Foundation in collaboration with Personnel Services Division, Welfare Department gave welfare donation to the personnel involved.

30 recipients consisting of Malaysian Army personnel received the donation. Among the donations given are disposable diapers and nutritional supplements.

Hope the donations can facilitate their affairs and help ease their personnel as well as their family's burden.

Source: Armed Forces Fund Board Foundation



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

ATM TERUS SIAP SEDIA HADAPI BANJIR



SEREMBAN, 18 November 2022 - Tentera Darat Malaysia terus diaturgerak bagi membantu kerja-kerja pembersihan di Masjid India Muslim, Kampung Bukit Jong, Seremban setelah ia dinaiki air dan lumpur akibat hujan lebat yang berterusan.

ATM senantiasa bersiap sedia di aturgerak bagi membantu masyarakat menghadapi banjir.

Sumber : Tentera Darat Malaysia

MAF CONTINUES TO BE PREPARED IN FACING FLOOD

SEREMBAN, November 18 2022 – The Malaysian Army continues being mobilized to help the cleaning works at Masjid India Muslim, Kampung Bukit Jong, Seremban after it was flooded with rain water and mud due to the continuous heavy rain.

MAF are always prepared to be mobilized to help the community face the flood.

Source: Malaysian Army



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

ATM BERGANDING BAHU BERSAMA AGENSI AWAM LAIN BERSIHKAN PUSAT PENGUNDIAN



KELANTAN, 20 November 2022 - Tentera Darat Malaysia bersama agensi BOMBA, APM, RELA dan JKM telah berganding bahu membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Kubang Kual, Pasir Mas yang dijadikan Pusat Pengundian Pilihan Raya Umum ke-15 setelah dilanda banjir pada 18 November yang lepas.

Anggota ATM juga turut membuat tinjauan ke Kampung Gual Tok Deh, Pasir Mas bagi melihat dan membuat penilaian keadaan banjir yang dihadapi bagi bersedia membantu rakyat melancarkan proses pengundian PRU ke-15 yang berlangsung.

Sumber : Tentera Darat Malaysia



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAF WITH OTHER PUBLIC AGENCIES HAND IN HAND CLEAN POLLING STATION

KELANTAN, November 20 2022 – The Malaysian Army with the Fire Brigade, Malaysia Civil Defence (APM), Malaysia Volunteers Corps (RELA), and Department of Social Welfare (JKM) worked hand in hand in cleaning Sekolah Kebangsaan Kubang Kual, Pasir Mas which was the 15th General Election Polling Station after being hit with the flood on November 18.

MAF members also visited Kampung Gual Tok Deh, Pasir Mas to see and evaluate the flood situation faced to prepare and help the people ease the 15th GE voting process held.

Source: Malaysian Army



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MESYUARAT RETREAT MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN (ADMM) DAN MESYUARAT ADMM-PLUS KE-9



KEMBOJA, 21 November 2022 – YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Retreat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) dan Mesyuarat ADMM-Plus di Siem Reap, Kemboja yang berlangsung pada 21 sehingga 24 November 2022.

ADMM dilihat sebagai satu medan terbaik untuk Malaysia menyuarakan pandangan serta pendirian berhubung pelbagai isu pertahanan demi kepentingan keselamatan ASEAN khususnya dan Malaysia amnya.

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz turut mengetuai delegasi Malaysia dalam mesyuarat dua hala bersama Timbalan Perdana Menteri Kemboja merangkap Menteri Pertahanan, di mana Malaysia telah mengucapkan tahniah kepada Kemboja di atas kejayaan dalam penganjuran mesyuarat-mesyuarat ADMM selaku pengerusi ASEAN pada tahun 2022.

Menerusi pertemuan dua hala tersebut, pelbagai isu-isu kerjasama Pertahanan telah dibincangkan termasuklah penglibatan tentera pengaman wanita Kemboja dalam kursus-kursus anjuran Pusat Pengaman Malaysia di Port Dickson dan juga penglibatan peserta dari Kemboja dalam program Kerjasama Pertahanan Malaysia (MDCP).



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

YBhg. Dato' Seri Muez juga turut menjemput TYT Samdech Pichey Sena Tea Banh dan delegasi dari Kemboja untuk hadir ke Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA 2023) yang akan berlangsung pada 23 sehingga 27 Mei 2023.

ASEAN DEFENCE MINISTERS MEETING (ADMM) AND THE 9TH ADMM-PLUS

CAMBODIA, November 21 2022 - YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Defence Ministry Secretary General led the Malaysian delegation to the Asean Defence Ministers Meeting (ADMM) and ADMM-Plus at Siem Reap, Cambodia held on 21 until 24 November 2022.

ADMM is seen as the best field for Malaysia to voice out their views and stand on various defence issues for the sake of ASEAN safety interest especially and Malaysia in general.

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz also led the Malaysian delegation in the bilateral meeting with Cambodia's Deputy Prime Minister cum Defence Minister, where Malaysia has congratulated Cambodia on their success in organizing the ADMM as the 2022 ASEAN President.

Through the bilateral meeting, various defence cooperation issues were discussed including the involvement of Cambodia women peacekeeping force in the courses organized by Malaysian Peacekeeping Centre at Port Dickson and also the involvement of participants from Cambodia in the Malaysian Defence Cooperation Programme (MDCP).

YBhg. Dato' Seri Muez also invited TYT Samdech Pichey Sena Tea Banh and delegation from Cambodia to attend the Langkawi International Maritime and Aerospace 2023 (LIMA 2023) exhibition that will be held on 23 until 27 May 2023.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MESYUARAT RETREAT MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN (ADMM) DAN MESYUARAT ADMM-PLUS KE-9



KEMBOJA, 23 November 2022 - Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz telah mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Retreat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) dan Mesyuarat ADMM-Plus ke-9 yang berlangsung selama 2 hari bermula pada 22 November di Siem Reap.

Mesyuarat ADMM-Plus ke-9 telah membincangkan mengenai kerjasama pertahanan ASEAN dan rakan dialog Plus. Mesyuarat diakhiri dengan Deklarasi Bersama Menteri-Menteri Pertahanan ADMM-Plus mengenai Kerjasama Pertahanan bagi memperkukuhkan solidariti untuk Keselamatan Sejahtera.

Pada masa yang sama, semua negara telah bersetuju agar ADMM-Plus terus menjadi platform utama bagi kerjasama pertahanan multilateral di rantau ini, dengan ASEAN sebagai peneraju utama.

Selain itu, turut diadakan Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN dengan rakan dialog Plus iaitu Amerika Syarikat dan India pada 22 November 2022 bagi membincangkan kerjasama pertahanan ASEAN dengan kedua-dua negara serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu pertahanan dan keselamatan yang menjadi perhatian bersama.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat-mesyuarat ini menandakan komitmen berterusan Malaysia terhadap diplomasi pertahanan melalui kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala.

ASEAN DEFENCE MINISTERS MEETING (ADMM) AND THE 9TH ADMM-PLUS

CAMBODIA, November 23 2022 – Defence Ministry Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz led the Malaysian delegation to ASEAN Defence Ministers Meeting (ADMM) and The 9th ADMM-Plus that was held for 2 days starting 22 November at Siem Reap.

The 9th ADMM-Plus discussed about the ASEAN Defence Cooperation and Plus dialogue partners. The meeting ended with the Declaration with Defence Ministers ADMM-Plus about the Defence Cooperation to strengthen the solidarity for Global Safety.

In the meantime, all countries agreed for ADMM-Plus to continue being the main platform for the multilateral defence cooperation in this region, with ASEAN as their main leader.

Apart from that, also held was the ASEAN Defence Ministers Informal Meeting with Plus dialogue partners, United States and India on 22 November 2022 to discuss the ASEAN defence cooperation with both countries as well as exchanging views on the defence and safety issues that comes to attention.

Malaysia's involvement in these meetings shows Malaysia's continuous commitment towards the defence diplomacy through the bilateral and multilateral defence cooperation.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

KUMPULAN TERAKHIR MALBATT 850-9 TIBA



SUBANG, 24 November 2022 - Kumpulan terakhir Pasukan Pengaman Batalion Malaysia 850-9 (MALBATT 850-9) telah selamat tiba di Pangkalan Udara Subang pada 18 November yang lepas.

Ketibaan MALBATT 850-9 telah disambut oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM. Kumpulan terakhir MALBATT 850-9 ini diketuai oleh Kolonel Megat Maz Ardi bin Nohuddin.

Seramai 240 orang anggota MALBATT 850-9 yang terdiri dari 237 orang warga Angkatan Tentera Malaysia dan 3 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah selamat kembali.

Kementerian Pertahanan Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada MALBATT 850-9 kerana telah berjaya melaksanakan misi dengan cemerlang sepanjang berada di Lubnan sebagai satu pasukan.

Sumber : Markas Angkatan Bersama



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALBATT 850-9's LAST GROUP ARRIVED

SUBANG – November 24 2022 – The last group of Malaysian Batallion 850-9 (MALBATT 850-9) Peacekeeping Force has arrived safely at Subang Air Base on 18th November.

The arrival of MALBATT 850-9 was welcomed by Chief of Defence Force, General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang RAMF. MALBATT 850-9 last group was led by Colonel Megat Maz Ardi bin Nohuddin.

240 MALBATT 850-9 personnel consisting from 237 Malaysian Armed Forces and 3 personnel from Royal Brunei Armed Forces safely arrived.

Ministry of Defence Malaysia extended their utmost appreciation to MALBATT 850-9 for successfully executing their mission with excellence during their stay in Lebanon as a team.

Source: Joint Force Headquarters



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

PERASMIAN SEMINAR PSIKOLOGI TAHUN 2022



KUALA LUMPUR, 29 November 2022 - Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez Abdul Aziz telah menyempurnakan Majlis Perasmian Seminar Psikologi bagi Tahun 2022 dengan tema "Psikologi Era Revolusi Industri (IR) 5.0: Memperkasakan Kesejahteraan Negara" anjuran Cawangan Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bertempat di Auditorium Kementerian Pertahanan.

Program ini merupakan program tahunan yang dilaksanakan sempena sambutan Bulan Kaunseling dan Hari Kesihatan Mental Sedunia pada bulan Oktober yang melibatkan seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada warga awam dan anggota ATM.

Objektif program ini adalah supaya warga dapat membudayakan psikologi sebagai sebahagian daripada kesejahteraan diri dalam mendepani cabaran revolusi industri 5.0. YBhg. Dato' Sri juga turut menyarankan supaya warga dan pengurusan organisasi sama-sama memainkan peranan sebagai duta menyebarkan persepsi yang positif terhadap perkhidmatan psikologi.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

PSYCHOLOGY SEMINAR YEAR 2022 LAUNCHING

KUALA LUMPUR, November 29 2022 – Defence Ministry Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez Abdul Aziz completed the Psychology Seminar Year 2022 Launching Ceremony themed "Psychology in Industry Revolution (IR) 5.0: Empowering Nation Well-Being" organized by Psychology Management Branch, Human Resource Management Division held at Defence Ministry Auditorium.

This programme is an annual programme held in conjunction with Counselling Month and World Mental Health Day on October involving 200 participants consisting from civil members and MAF personnel.

The objective of this programme is for the members to cultivate psychology as part of their wellbeing in facing industry revolution 5.0 challenges. YBhg. Dato' Sri also suggests the members and organization management together play their part as an ambassador and spread the positive perception towards psychology service.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

PERASMIAN PUSAT PERKHIDMATAN PSIKOLOGI KEMENTERIAN PERTAHANAN



KUALA LUMPUR, 29 November 2022 - Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez Abdul Aziz telah menyempurnakan perasmian Pusat Perkhidmatan Psikologi di MinDef 2, Bangunan Zetro dan Bilik Terapi Aurora di Bangunan Wisma Pertahanan.

Pusat perkhidmatan psikologi dan bilik terapi ini merupakan fasiliti yang kondusif kepada warga Kementerian Pertahanan untuk urusan berkaitan perkhidmatan psikologi.

YBhg. Dato Sri sangat menggalakkan agar warga awam dan ATM memanfaatkan fasiliti dan perkhidmatan psikologi yang disediakan bagi meningkatkan tahap kesejahteraan individu secara holistik dan seterusnya menyumbang kepada perkhidmatan, organisasi dan kesejahteraan negara.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

DEFENCE MINISTRY PSYCHOLOGY SERVICE CENTRE LAUNCHING

KUALA LUMPUR, November 29 2022 – Defence Ministry Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez Abdul Aziz completed the Psychology Service Centre at MinDef 2, Zetro Building and Aurora Therapy Room at Wisma Pertahanan.

The psychology service centre and therapy room is a conducive facility for the Defence Ministry members for affairs related to psychology service.

YBhg. Dato Sri really encourage the civil and MAF members to benefit from the facility and psychology service provided to improve their level of individual wellbeing holistically and contribute to the service, organization and country's wellbeing.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

PENYERAHAN BENDERA KAKEP SEMPENA MAKSWIP 2022



KUALA LUMPUR, 30 November 2022 - Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) yang bakal beraksi di Kejohanan Sukan Integrasi Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP) Tahun 2022 di Wisma Pertahanan.

Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen KAKEP oleh YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz yang merupakan Penaung KAKEP ini adalah sebagai simbolik penyertaan KAKEP ke Kejohanan Sukan Integrasi MAKSWIP.

Seramai 40 orang pemain KAKEP terdiri daripada kakitangan awam Kementerian Pertahanan telah dipilih bagi mewakili KAKEP dalam acara Bola Sepak, Bola Jaring dan Bola Tampar Pantai. Kejohanan ini akan bermula pada 2 - 4 Disember 2022 bertempat di Kangar, Perlis.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

KAKEP FLAG PRESENTATION IN CONJUNCTION WITH MAKSWIP 2022

KUALA LUMPUR, November 30 2022 – Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz completed the Defence Ministry Civil Staff Club (KAKEP) Contingent Flag Presentation Ceremony that will participate in the 'Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan' (MAKSWIP) Integration Sports Championship Year 2022 at Wisma Pertahanan.

The KAKEP Contingent Flag Presentation Ceremony by KAKEP's Patron, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz is as a symbolic of KAKEP's participation to MAKSWIP Integration Sports Championship.

40 KAKEP players consisting from Defence Ministry's civil staff was chosen to represent KAKEP in the Football, Netball and Beach Volleyball. The Championship will start on 2-4 December 2022 at Kangar, Perlis.